



Howard Lee (duduk lima kanan) bersama tetamu dan golongan OKU yang mengambil bahagian.

## Sukan OKU selari misi kerajaan negeri

IPOH - Penganjuran sukan untuk OKU di negeri ini selari dengan misi dan agenda kerajaan Perak untuk menjadikan sukan sebagai satu bidang yang jana ekonomi.

Exco Belia, Sukan dan Pembangunan Modal Insan negeri, Howard Lee Chuan How berkata, Perak perlukan pelaburan daripada pihak swasta dan syarikat besar serta antarabangsa bagi menjayakannya.

"Kita memerlukan pihak swasta khususnya syarikat besar dan antarabangsa bersama-sama memajukan sektor sukan kerana sumber kerajaan negeri terhad.

"Adalah tidak memadai sekiranya kita keluaran belanja besar dalam pembangunan sukan sedangkan kita boleh bekerjasama dengan syarikat-syarikat yang ada," katanya kepada pemberita selepas pelancaran Hari Terbuka Sukan untuk Golongan OKU di Ipoh, di SJKC Poi Lam Bandar Baru Sri Klebang di sini, semalam.

Ipoh bakal jadi perintis projek Hari Sukan Terbuka Untuk OKU yang akan dianjurkan pemilik ladang getah terbesar dunia, Halcyon Agri Malaysia di Chemor.

Malah program yang mendapat kerjasama daripada kerajaan negeri Perak dan Bali Sport Foundation (BSF) Asia ini turut bertujuan menonjolkan kebolehan golongan OKU dalam menyertai pelbagai jenis sukan demi pembangunan sukan negeri.

Menurut Howard Lee, penganjuran hari sukan itu akan menjadi titik permulaan kerajaan negeri bersama pihak swasta untuk menjalin kerjasama dengan rakan strategik dalam pembangunan sukan.

"Keghairahan dan kesudian pihak swasta seperti Halcyon Agri melabur masa, tenaga dan sumber untuk perkasakan agenda pembangunan sukan para bukan sahaja di negeri ini malah juga satu agenda antarabangsa.